

27/02/1998

Pertahan hak orang Melayu

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan, kepentingan Bumiputera dalam dasar ekonomi negara tetap dipertahankan walaupun beberapa pengubahsuaian terpaksa dibuat supaya bukan Bumiputera boleh membeli saham syarikat Bumiputera.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, Bumiputera tidak perlu bimbang dengan cadangan itu kerana mekanisme pelaksanaannya akan dikaji secara terperinci supaya kepentingan ekonomi mereka tidak terganggu.

"Kita harus melihat secara keseluruhannya. Maknanya, dasar ekonomi untuk menjamin kepentingan Bumiputera tetap dipertahankan dari segi dasar keseluruhannya.

"Bagaimanapun, beberapa pertimbangan khusus dan kelulusan bagi membolehkan bukan Bumiputera membeli saham Bumiputera perlu diberikan demi kepentingan ekonomi dan masa depan syarikat Bumiputera itu sendiri," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Bagi Membanteras Masalah Sosial, di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menjelaskan, kerajaan terpaksa membenarkan perkara itu bagi membantu syarikat Bumiputera yang menghadapi masalah berikutan kegawatan ekonomi sekarang.

Kelmarin, Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC), Tun Daim Zainuddin dilaporkan berkata, kerajaan bercadang membenarkan bukan Bumiputera membeli saham syarikat yang dimiliki Bumiputera.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, langkah itu tidak harus menimbulkan kerunsingan di kalangan Bumiputera kerana dasar (berhubung kepentingan ekonomi) Bumiputera secara keseluruhannya tidak akan dikorbankan.

"Saya nampak banyak yang melahirkan kebimbangan. Saya ingin menjelaskan bahawa perubahan untuk membolehkan syarikat bukan Bumiputera mengambil alih sebahagian (saham syarikat Bumiputera) itu perlu diberi pertimbangan dan mekanismenya sedang diteliti secara terperinci," katanya.

Menurutnya, beliau mengadakan perbincangan dengan Daim pagi ini berhubung perkara itu.

"Kita masih mencari mekanisme yang sesuai. Dasar itu jelas dan saya tidak fikir sebagai suatu dasar, kita akan menafikan perlunya suatu bentuk tindakan tegas, tetapi beberapa pengubahsuaian diperlukan.

"Bagaimanapun, pengubahsuaian terhadap kepentingan Bumiputera akan sentiasa diteliti bagi memastikan prinsip asas dasar sedia ada tidak terjejas," katanya.

Ditanya sama ada penyesuaian semula yang akan dilakukan itu bersifat kekal, beliau berkata ada sesetengah penyesuaian semula boleh bersifat kekal.

"Tetapi saya tidak fikir wajar untuk membuat sesuatu komitmen mengenai perlunya membuat perubahan sekarang dan menukarnya selepas tiga bulan atau enam bulan. Jadi saya fikir ini perlu jelas," katanya sambil menambah, kerajaan turut bercadang membuat penyesuaian berhubung pemilikan ekuiti asing.

(END)